



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 19 OGOS 2024 (ISNIN)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• MBSJ PRUNING OVERGROWN TREES IN BANDAR KINRARA
2.	SIN CHEW	• MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA MENERIMA 10,828 SURAT BANTAHAN TERHADAP PENILAIAN SEMULA HARTANAH

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MPAJ DBKL	• MPAJ LUCKY DRAW • CHINATOWN'S BACK LANE TO BE BEAUTIFIED
2.	HARIAN METRO	MBDK	• TAMAN KUCING KLANG TEMPAT PERLINDUNGAN KUCING TERBIAR
3.	BERITA HARIAN	MBDK	• PERMAISURI SELANGOR RASMI TAMAN KUCING KLANG

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• EXPERTS : SPIKE IN DENGUE CASES DUE TO WEATHER • SOCIAL MEDIA LICENSING IS FOR SAFETY, SAY EXPERTS • PICKING UP THE PACE WITH A JALUR GEMILANG FOR EVERY HOME
2.	SINAR HARIAN	• SALAH GUNA KUASA : PEGAWAI BOMBA DIJEL 3 TAHUN, DENDA RM172,000 • SUNTIK RASA CINTA KEPADA NEGARA • GASMA SYOR PENJAWAT AWAM PERLU ISYTIHAR HARTA ELAK RASUAH • SSPA DIJANGKA KURANGKAN TREND GURU BERSARA AWAL
3.	KOSMO	• TIADA LEDAKAN KES COVID-19 – DR. DZULKEFLY
4.	BERITA HARIAN	• KENAIKAN GAJI LEBIH BAIK DIJANGKA KURANGKAN GURU BERSARA AWAL • LAKSANA PELARASAN KADAR UPAH MINIMUM BERPERINGKAT • NUBE DAKWA KERAJAAN GAGAL LAKSANA KEPERLUAN KENAIKAN GAJI • PASUKAN KHAS BINCANG KAWAL SELIA PLATFORM MEDIA SOSIAL DITUBUH • SEMANGAT JIWA MERDEKA MAKIN BERSEMARAK
5.	UTUSAN MALAYSIA	• KENAIKAN GAJI PENJAWAT LONJAK SEKTOR PKS • UNIT INTEGRITI DALAM SEKTOR AWAM PERLU BINA KEPERCAYAAN RAKYAT • JURANG PENDAPATAN KETARA AWAM, SWASTA • MERDEKA HARI PALING DINANTI • LESEN MEDIA SOSIAL: PASUKAN PETUGAS KHAS BAKAL DIWUJUDKAN • PUPUK MINAT CIPTA MELALUI INOVASI HIJAU • PEGAWAI BOMBA SALAH GUNA KUASA DIPENJARA TUJUH TAHUN, DENDA RM172,000
6.	NEW STRAITS TIMES	• TASK FORCE TO DISCUSS SOCIAL MEDIA RULES • SCHOOLS, WORKPLACES AND ATHLETES HIT BY ONLINE HATE • MADANI HOUSING PLAN DOABLE, SAYS EXPERT
7.	THE SUN	• FLY JALUR GEMILANG DRIVE EXPECTED TO TAKE OFF • SALARY RISE EXPECTED TO FURTHER INCREASE COST OF LIVING

MBSJ pruning overgrown trees in Bandar Kinrara

By MEGAT SYAHAR



Mehanatan (second from left) during a site visit with MBSJ Landscape Department personnel when the trees were being pruned in Bandar Kinrara. — LOW BOON TAT/The Star

SUBANG Jaya City Council (MBSJ) is addressing tree-related complaints at Bandar Kinrara, in Puchong, Selangor.

MBSJ Landscape Department director Azlina Mat Salim said 26 trees along Jalan BK5a/2 were currently being pruned.

The project was expected to be completed by the end of the week, she added.

The pruning works follow a site visit by Subang Jaya deputy mayor Mohd Zulkurnain Che Ali, Zone 18 councillor Mehanatan Embamurthi and personnel from the department on July 25.

The team had faced delays due to weather conditions and complaints of noise from a nearby hospital.

Mehanatan added that in addition to tree maintenance, KDEB Waste Management would clean drains in the area.

On illegal parking in the BK5 commercial zone, he said offenders would be compounded and abandoned vehicles would be towed away after a seven-day notice.

Mehanatan encouraged residents to make reports through the Public Complaints Management System (Sispaa), promising a response within seven days.

MBSJ's action comes after a StarMetro report on July 24 highlighted residents' concerns about overgrown trees obstructing parking spaces in Bandar Kinrara 5.

THE STAR ONLINE
TARIKH: 19 OGOS 2024

地方 | 都市动态

发布: 5:04pm 18/08/2024 330点阅

◆ 梳邦再也市政厅 ◆ 门牌税 ◆ 重估产业价值

梳邦再也重估产业 市厅接获10828反对信

报道: 苏俐婵



梳邦再也市政厅在8月2日的截止日期前，共接获1万零828份业主针对重估产业价值的反对信。（档案照）

（八打灵再也18日讯）截至8月2日，梳邦再也市政厅在这次的重估产业价值中，总共接获1万零828份反对信。

梳邦再也市政厅是于6月21日，发出32万6646份从明年1月1日起生效的重估产业价值通知信给辖区内的业主。所有对新门牌税不满的业主，必须在8月2日之前提出反对。

梳邦再也市政厅指出，其管辖区内有1万零828名业主在限期之内已提呈针对重估产业价值的反对信，所以市政厅将召集他们出席接下来举办的听证会。

将安排听证会

市政厅企业通讯小组向《大都会》社区报指出，当局目前正在安排听证会的日期和地点，近期内会通知反对的业主。

根据市政厅提供的数据显示，在市政厅管辖的七大规划区内，首邦市有最多业主提出反对，反对信多达3980份；其次则是蒲种，有1821份，第三多的地区则是史里肯邦安，有1629份。

市政厅指出，提出反对意见的业主给出许多原因，包括认为税率涨幅太高、涨幅应该低于25%及产业租金市价在冠病疫情后降低；市政厅的服务水平及公共设施都有待提升；分层住宅的维修费增加、面对通胀压力及经济不稳定等。

梳邦再也业主提呈反对信的数量

规划区	反对信函数量
首邦市	3980
梳邦高科技园 (Subang Hi-Tech)	421
布特拉高原	494
金銮	1073
蒲种	1821
布特拉柏迈镇 (Bandar Putra Permai)	1410
史里肯邦安	1629

SIN CHEW DAILY ONLINE

TARIKH: 19 OGOS 2024

MPAJ LUCKY DRAW

Ampang Jaya Municipal Council's second Jom Bayar Cukai Taksiran MPAJ lucky draw will take place from September to December. To be eligible, owners must have an MPAJ Intelligent Community (ICOMM) account and pay their assessment tax by Aug 31. The main prize is a motorcycle, while other prizes include television, refrigerator, washing machine, laptop, tablet, vacuum cleaner and air purifier.

THE STAR

19 AUG 2024

Tarikh:.....

Chinatown's back lane to be beautified

DBKL to transform area after bringing down illegal structures

Story and photo by LEW GUAN XI
lewguanxi@thestar.com.my

REPAIRS, upgrades and beautification are planned for a back lane in Chinatown, Kuala Lumpur, after illegal structures were demolished in a major enforcement operation.

Kuala Lumpur advisory board member Andre Lai said on Saturday action was taken against a food court for an illegal extension that obstructed the lane behind Jalan Sultan for about 30 years.

"The pavement and drainage system in the lane are badly damaged.

"The pavement needs to be resurfaced before Kuala Lumpur

City Hall (DBKL) Urban Transport Department can step in to do road markings.

"The drains also need to be repaired.

"I will also request for street lamps to be installed," he said when met at the site.

Lai added that he would discuss with DBKL Culture, Arts, Tourism and Sports Department about the possibility of drawing murals on walls to beautify the lane.

In *StarMetro's* article on Aug 6 titled "Illegal structures demolished in Chinatown's back lanes", it was reported that illegal structures obstructing back lanes and pedestrian walkways at several locations in



An excavator tearing down an illegal structure in the lane located behind Jalan Sultan, Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur, were demolished in the largest of such operations this year.

The operation that started on Aug 3, targeted illegal structures around Chinatown, with the food court among those identified.

Lai said the food court operator was given a week to dismantle the remaining illegal structure following the Aug 3 operation.

"The operator asked for an extension last week, saying that there were too many objects to be removed.

"DBKL granted the request."

About 80 personnel from DBKL and the police tore down the remaining two illegal structures in the back lane over the weekend.

Lai urged traders to apply for permits from DBKL's Building Control Department to build extensions.

Nearby, DBKL also seized tables and chairs of a burger stall that obstructed the walkway along Jalan Pudu, near Jalan Sultan.

Lai suggested information

kiosks about Kuala Lumpur's history be installed to prevent traders from occupying the walkway.

"People walking along can also learn about the city's history (through these kiosks)," he said.

Owners of premises and stalls who erect illegal structures can be charged under Section 46 of the Street, Drainage, and Building Act 1974.

Upon conviction, they shall be liable to a fine not exceeding RM500 and in the case of a second or subsequent conviction, to a fine not exceeding RM1,000.

THE STAR

19 AUG 2024

Tarikh:.....

Experts: Spike in dengue cases due to weather

9th
19/8

PETALING JAYA: Malaysia reported a higher dengue case-load and deaths in the first eight months this year with the spike in cases attributed to the weather.

As of Aug 17, a total of 92,420 dengue cases were reported, according to the data from the Health Ministry's iDengue website.

Comparatively, there were 75,928 cases reported in the week of Aug 13 to 19 last year.

Selangor reported the highest number of cases with 47,398.

This was followed by Johor with 9,983 and Kuala Lumpur with 8,392 cases.

On Aug 17 alone, a total of 302 cases were reported nationwide.

Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah, a senior research fellow at the Institute of Ocean and Earth Sciences, said there is a correlation between the number of dengue cases and the weather.

"Usually, there is a good correlation between dengue numbers

and temperature. There is also some lag between rainfall and an increase in dengue mosquitoes within a week after rain.

"So the month of July and August is usually when dengue mosquito numbers peak. Since the virus is endemic, an increase in mosquito numbers as carriers will correlate with a rise in dengue cases," he said.

Prof Azizan said a drop in cases is likely when the weather gets cooler.

This, he said, can be expected when the northeast monsoon begins in October.

Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, a health economics and public health specialist with Universiti Kebangsaan Malaysia, said the fluctuation in the weather is conducive to larvae growth.

"Urban areas have many potential breeding sites such as construction sites and housing areas.

"With influenza and Covid-19



On the lookout: A Health Ministry officer inspecting a residential area after a rise in dengue cases, in Saujana Utama, Sungai Buloh. It is suggested that Wolbachia mosquitoes or the dengue vaccine be used to lower dengue cases.
— AZLINA ABDULLAH/The Star

doing the rounds, dengue has taken a back seat.

"Hence, control of these few infectious diseases may have lessened our focus on dengue," she said.

Prof Sharifa noted that the traditional fogging method may no longer be effective in killing mosquitoes.

"We need more effective methods to reduce harm such as using Wolbachia mosquitoes or administering dengue vaccine for

children," she said.

In April, Universiti Malaya's Tropical Infectious Diseases Research and Education Centre (Tidrec) announced the clinical trial on Noden, a herbal remedy to combat dengue.

Tidrec executive director Prof Dr Sazaly Abu Bakar, when contacted, said the trial is currently ongoing.

"We are still actively recruiting volunteers. There is a shortage of dengue positive volunteers

despite all the news about high dengue cases," he said.

He urged that people avoid areas with high dengue cases and prevent themselves from getting bitten by mosquitoes.

The herbal remedy is reportedly made from an extract of the *Scutellaria baicalensis* plant, which is also known as Baikal skullcap.

The extract is said to be effective against all four types of dengue virus.

THE STAR

Tarikh: 19 AUG 2024

Social media licensing is for safety, say experts

KUALA LUMPUR: The move to license social media platforms in Malaysia is a proactive government effort to ensure operators prioritise user safety and privacy, says an expert.

Associate Prof Dr Aznul Qalid Md Sabri from the Computer Science and Information Technology Faculty at Universiti Malaya said that social media licensing is not a novel concept, as similar moves have been implemented in other countries.

"This step provides a safety net, including (against) the use of artificial intelligence (AI) technology, essential for protecting social

media users in Malaysia," he told Bernama recently.

He added that the government, through the Malaysian Communications and Multimedia Commission, should enforce this licensing with specific conditions to safeguard users.

These conditions include data protection policies and safety measures for children, such as age restrictions to prevent users under 13 from accessing certain platforms.

When asked about the effectiveness of social media licensing, Aznul Qalid said while some countries have implemented it to

control undesirable online activities, most prefer to enforce existing laws.

For instance, Saudi Arabia and the United Arab Emirates have focused their licensing requirements on content creators, while Malaysia's approach, requiring platform operators to obtain a licence, is unique.

Associate Prof Dr Mohd Khairie Ahmad, dean of the School of Multimedia Technology and Communication at Universiti Utara Malaysia, said licensing could help curb the rise of deepfakes online.

He argued that the government's action was not drastic nor

intended to restrict freedom of communication.

Mohd Khairie added that the licensing of social media platforms should not be delayed, as self-regulation has proven insufficient. "Users often struggle to control their emotions and behaviour, leading to the creation of deepfakes, harmful content, libel, incitement and even cyberbullying," he said.

He described the licensing move as a strategy to enhance the accountability of new media platforms, operating within a framework that prioritises social and moral responsibility.

THE STAR

19 AUG 2024

Tarikh:.....

Picking up the pace with a Jalur Gemilang for every home

Star 19/8
KUALA LUMPUR: The "1 Rumah 1 Jalur Gemilang" (1 House 1 Flag) initiative is expected to gain momentum in the final week leading up to National Day on Aug 31, says Fahmi Fadzil.

The Communications Minister said apart from homes, numerous government and private buildings have begun displaying the Jalur Gemilang to boost the spirit of Jiwa Merdeka.

"We started with ministry staff and civil servants, and we continuously remind them.

"I believe that in the next week or two, the activity of flying the Jalur Gemilang at (people's) homes will become even more vigorous, especially as Aug 31 approaches.

"Thankfully, we are seeing more and more buildings displaying the Jalur Gemilang. We hope the 1 Rumah 1 Jalur Gemilang pro-

gramme will achieve its objective," he told reporters after distributing the Jalur Gemilang at the Kerinchi People's Housing Project (PPR) morning market here yesterday, Bernama reported.

Fahmi, who is also Lembah Pantai MP, said the flag distribution aims to ignite the patriotic spirit among residents ahead of National Day and Malaysia Day.

He expressed hope that encour-

aging the people to proudly display the Jalur Gemilang at their homes, businesses and on their vehicles will instil a sense of patriotism on a deep level.

"A little reminder - always ensure the Jalur Gemilang is flown in its proper form: not faded, not torn, and is displayed correctly.

"For more details, reach out to the Information Department or download the guidelines on how

to properly display the flag."

The Jalur Gemilang distribution was organised by the Kuala Lumpur Federal Territory Information Department in collaboration with the Pantai Halt Madani Community and the police.

The activity saw around 1,000 flags distributed to local residents, including traders and visitors at the Kerinchi PPR morning market.

THE STAR

19 AUG 2024

Tarikh:.....

Salah guna kuasa: Pegawai bomba dijel 3 tahun, denda RM172,000

KUALA TERENGGANU -

Seorang penolong kanan penguasa bomba dihukum penjara tiga tahun dan denda RM172,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Ahad selepas didapati bersalah atas pertuduhan salah guna kuasa untuk mendapatkan suapan dengan mencadangkan syarikat milik ahli keluarga melaksanakan kerja pembekalan bernilai RM32,540.

Hakim Dazuki Ali menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohd Roslan Zakaria, 41, selepas pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap tiga pertuduhan di akhir kes pembelaan.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa menggunakan jawatannya untuk mencadangkan sebut harga milik ibu mentuanya, Pak Su Global Enterprise untuk melaksanakan kerja-kerja pembekalan 60 unit antena dan 30 unit alat ganti pengecas bernilai RM8,100.

Bapa kepada tiga anak itu juga didakwa atas kesalahan sama dengan mencadangkan sebut harga Muazzam Global Enterprise milik adik iparnya membekalkan 31 unit kompas orienteering berjumlah RM7,440.

19/8 smn

Bagi pertuduhan ketiga, tertuduh didakwa melakukan kesalahan sama dengan mencadangkan sebut harga milik adik iparnya untuk melaksanakan kerja-kerja pembekalan 10 unit jaket keselamatan dan 20 unit *wet suit* bernilai RM17,000.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur di Marang pada Julai dan November 2016.

Dia didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta SPRM yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan.

Dazuki turut memerintahkan hukuman penjara berjalan serentak bermula Ahad.

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan penangguhan hukuman penjara sehingga prosiding rayuan di Mahkamah Tinggi selesai manakala penangguhan hukuman denda tidak dibenarkan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Farah Yasmin Salleh dan Pegawai Pendakwa SPRM Nur Raihan Mohd Yusof manakala tertuduh diwakili peguam, G Ravishankar. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: 19 AUG 2024

Suntik rasa cinta kepada negara

19/8 sinar

Inisiatif 1 Rumah 1 Jalur Gemilang dijangka lebih rancak menjelang Hari Kebangsaan

KUALA LUMPUR

Inisiatif 1 Rumah 1 Jalur Gemilang yang sedang dilaksanakan dijangka bertambah rancak dalam tempoh seminggu sebelum menjelang Hari Kebangsaan pada 31 Ogos ini.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, selain rumah, banyak bangunan kerajaan dan swasta juga telah mula mengibarkan Jalur Gemilang di premis masing-masing untuk bersama-sama menyemarakkan lagi semangat Jiwa Merdeka.

"Kita mula dengan warga kementerian dan penjawat awam. Kita sentiasa memberikan peringatan. Saya percaya dalam seminggu dua akan datang, aktiviti mengibarkan Jalur Gemilang di rumah masing-masing akan semakin rancak terutama menjelang 31 Ogos nanti."

"Alhamdulillah, kita nampak sekarang banyak bangunan telah mula memperagakan Jalur Gemilang. Kita berharap program 1 Rumah 1 Jalur Gemilang akan mencapai objektifnya," katanya kepada pemberita selepas mengedarkan Jalur Gemilang sempena Bulan Kebangsaan di sekitar Pasar Pagi Program Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi di sini pada Ahad.

Mengenai program tersebut, Fahmi yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai berkata, edaran Jalur Gemilang itu untuk menyemarakkan lagi semangat patriotisme penduduk di kawasan tersebut menjelang Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.

Justeru, beliau berharap usaha itu dapat menyuntik rasa cinta kepada negara dan rakyat, khususnya penduduk Lembah Pantai dengan mengibarkan Jalur Gemilang di rumah, premis perniagaan serta kenderaan masing-masing.

"Sedikit peringatan, pastikan Jalur Gemilang yang dikibarkan dalam keadaan baik, tidak lusuh, tidak koyak dan dipasang dengan cara yang betul. Untuk maklumat lanjut, anda boleh menghubungi Jabatan Penerangan atau muat turun panduan terperinci mengenai tata cara bagi mengibarkan Jalur Gemilang," katanya.



Fahmi (kiri) mengedarkan Jalur Gemilang kepada peniaga pada Program Edaran Jalur Gemilang sempena Bulan Kebangsaan di Pasar Pagi PPR Kerinchi, Kuala Lumpur.

Program Edaran Jalur Gemilang tersebut dianjurkan Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menerusi Komuniti Madani Pantai Halt dan Polis Diraja Malaysia.

Kira-kira 1,000 Jalur Gemilang telah dibekalkan untuk diagihkan kepada penduduk sekitar seperti peniaga dan pengunjung Pasar Pagi PPR Kerinchi. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh:19 AUG 2024.....

Gasma syor penjawat awam perlu isytihar harta elak rasuah

SHAH ALAM - Pengisytiharan harta dalam kalangan penjawat awam khususnya melibatkan jawatan tertinggi perlu dilakukan bagi memastikan perbuatan rasuah dapat dibendung di peringkat akar umbi.

Pegawai Tadbir Gabungan Ahli Sunnah Malaysia (Gasma), Firdaus Akbar Yacob berkata, langkah tersebut penting susulan peningkatan jenayah rasuah dalam kalangan kakitangan kerajaan.

Menurut beliau, negara perlu mencontohi usaha-usaha yang dilakukan pentadbiran pimpinan Islam terdahulu dalam mendepani cabaran rasuah pada waktu itu.

"Saya cadangkan semua penjawat awam periksa dulu harta dan aset mereka. Kalau kita tengok

19/8 Sinar
balik zaman Saidina Umar Al-Khattab RA bagaimana cara dia menguruskan pegawai-pegawainya.

"Setiap kali pegawai dihantar pergi atau balik ke satu tempat, dia (Saidina Umar) akan periksa harta mereka," katanya kepada *Sinar Harian* di sini.

Baru-baru ini, media melaporkan, dua lagi pegawai penguat kuasa di sebuah jabatan di Kota Kinabalu, Sabah ditahan kerana disyaki menerima rasuah kira-kira RM120,000 bagi melindungi aktiviti penyeludupan rokok dan me-



FIRDAUS AKBAR

lepaskan barang penyeludupan.

Dalam pada itu, Firdaus Akbar berkata, pelaku rasuah terutamanya jerung besar dalam sesebuah organisasi perlu dikenakan hukuman berat bagi memberi pengajaran kepada masyarakat.

Tegasnya, kerajaan perlu memberi fokus kepada usaha memerangi golongan tersebut dengan serius berbanding tumpu kepada 'jerung' kecil sahaja.

"Kalau kita tangkap peringkat bawah sahaja, tetapi (pelaku peringkat) atas terlepas, perkara (aktiviti rasuah) ini memang tidak akan habis," ujarnya.

RASUAH BUSTERS
Malaysia Tanpa Rasuah

SINAR HARIAN

Tarikh:1..9..AUG..2024.....

SSPA dijangka kurangkan trend guru bersara awal

KUALA LUMPUR - Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dengan pelarasan gaji yang lebih baik dijangka dapat mengurangkan trend guru bersara awal pada masa kini.

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Aminuddin Awang berkata, pengumuman itu merupakan satu hadiah bermakna yang sangat besar buat para guru yang kini berdepan dengan cabaran besar dalam mendidik anak bangsa serta kos sara hidup.

"Para guru kini bukan sahaja menikmati kenaikan gaji tahunan (KGT), tetapi dengan pelarasan gaji ini, tambahan kenaikan gaji turut diberikan.

"Selepas 12 tahun tanpa semakan, pelaksanaan SSPA bagi menggantikan Skim Saraan Malaysia (SSM) adalah satu hadiah yang sangat bermakna.

"Saya percaya langkah ini juga dapat mengurangkan trend guru bersara awal, dan mendorong para guru memberikan perkhidmatan terbaik sebagai tanda penghargaan atas apa yang telah diberikan kerajaan," katanya ketika dihubungi *Bernama* pada Ahad.

Tambahnya, pelarasan yang akan dibuat secara berfasa itu dijangka membolehkan para guru menikmati kenaikan ketara pada Fasa 1 pelaksanaannya Disember depan.

"Dalam Fasa 2 pelarasan gaji, kita akan melihat tambahan kenaikan selain daripada KGT.

"Pelaksanaan secara berfasa ini adalah pendekatan yang wajar oleh kerajaan dan tempoh



AMINUDDIN

untuk menikmati kenaikan gaji itu tidak terlalu lama," ujarnya.

Aminuddin turut berharap agar perincian yang lebih lengkap mengenai pelaksanaan sistem SSPA secara keseluruhannya dapat diberikan.

Pada Jumaat, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar

Ibrahim mengumumkan pelarasan gaji sebanyak 15 peratus kepada pegawai Kumpulan Pelaksana dan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, dan tujuh peratus kepada pegawai KPT.

Pelaksanaan pemberian pelarasan gaji itu dilaksanakan secara berfasa iaitu pada 1 Disember 2024 bagi Fasa 1 dan pada 1 Januari 2026 bagi Fasa 2.

SINAR HARIAN

Tarikh:1..9..AUG...2024....

19/8 **Taman Kucing Klang tempat perlindungan kucing terbiar**

Klang: Taman Kucing Klang yang menjadi tempat perlindungan khusus bagi kucing terbiar di Bandar Bukit Raja di sini dirasmikan Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin, semalam.

Baginda sebelum itu berkenan menyertai Cat Fun Walk menuju ke Taman Kucing Klang sebelum menyempurnakan perasmian serta melawat Karnival dan Pertandingan Pakaian Kucing Paling Menarik.

Sime Darby Property dalam kenyataannya berkata, projek inovatif itu hasil kerjasama dengan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) bertujuan menyediakan tempat selamat untuk kucing terbiar sambil mempromosikan pemilikan haiwan peliharaan.

"Taman Kucing Klang ini boleh menampung sehing-



TENGGU Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin (kanan) berkenan melihat rumah kucing yang disediakan dengan diiringi Datuk Bandar Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK), Datin Paduka Noraini Roslan (empat dari kanan) pada perasmian Taman Kucing Klang, Bandar Bukit Raja di Pavilion Wetland, Klang. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

ga 200 kucing pada satu-satu masa dan akan dibuka kepada orang ramai pada hujung minggu.

"Ini adalah tempat perlindungan kucing terbiar merangkumi pusat kuarentin, tempat perlindungan dan rumah kucing dan kawasan permainan, semuanya direka untuk menyediakan persekitaran yang selesa kepada kucing di situ.

"Kemudahan itu juga akan memudahkan pengambilan kucing angkat dan menawarkan program pendidikan mengenai penjagaan kucing yang betul untuk masyarakat.

"Pembangunan Taman Kucing Klang ini menjangkau keluasan 0.4 hektar yang terletak di dalam kawasan Taman Bandar Bukit Raja," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua MBDK Datuk Noraini Roslan berkata, Taman Kucing Klang kini mempunyai jumlah kucing terbiar sebanyak 38 ekor setakat ini.

"Taman ini dibina dengan ihsan Sime Darby Property Berhad yang bermurah hati menanggung perbelanjaan pembinaan dan konsep reka bentuk Taman Kucing Klang ini, kemudahan operasinya diambil alih oleh MBDK.

"Di taman ini juga terdapat pusat isolasi bagi kucing sakit, pusat rawatan, rumah kucing, tempat bermain dan juga ada tempat perkuburan kucing.

"Taman ini dikhaskan kepada kucing terbiar saja, bukan untuk kucing peliharaan datang bermain," katanya.

HARIAN METRO
Tarikh: 19 AUG 2024...



DZULKEFLY ketika Majlis Pelancaran Kampung Angkat MADANI Kementerian Kesihatan di Dewan Orang Ramai Kampung Bukit Badong, Kuala Selangor semalam.

Tiada ledakan kes Covid-19 – Dr. Dzulkefly

KOSMO
19/8

KUALA SELANGOR – Situasi Covid-19 terkawal dan tiada ledakan kes direkodkan selepas dua tahun memasuki transisi endemik setakat ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, perkara itu berdasarkan data terbaharu yang diperoleh Kementerian Kesihatan (KKM) di seluruh negara.

Jelas beliau, pemerhatian mendapati jumlah kes jangkitan dan kemasukan pesakit ke hospital atau fasiliti kesihatan dalam keadaan terkawal.

"Terkini, KKM mendapati tiada berlaku ledakan kes berkaitan Covid-19 termasuk pesakit yang dimasukkan ke wad atau unit rawatan rapi (ICU).

"Namun, kita tidak mahu ter-lalu selesa dan akan terus memantau institusi kesihatan awam termasuk membuat hebahan umum jika berlaku peningkatan kes," katanya selepas melancarkan Kampung Angkat Madani KKM di Kampung Bukit Badong, Ijok di sini semalam.

Pada Jun lalu, KKM menetapkan keputusan ujian Covid-19

kini tidak perlu lagi dimuat naik ke aplikasi MySejahtera namun hanya akan dilaporkan pengamal perubatan melalui sistem eNotifikasi.

Selain itu, ujian pengesanan kes hanya akan dilakukan melalui kit ujian pantas antigen (RTK-Ag) profesional oleh petugas kesihatan dan ujian tindak balas rantai polimerase (PCR).

Menurut Dzulkefly, rakyat Malaysia kini perlu meneruskan fasa hidup dengan Covid-19 yang sama dengan virus sedia ada lain.

"Kita pada hakikatnya kini tiada lagi pemberian vaksin dan arahan untuk dikuarantin seperti yang pernah dilaksanakan sebelum ini.

"Namun, mereka yang bergejala itu perlu berpelitup muka dan membuat pemeriksaan di fasiliti perubatan sekali gus melindungi orang lain daripada dijangkiti," ujarnya.

Tambah beliau, pihaknya turut menasihatkan golongan rentan terutama warga emas dan komorbiditi berwaspada terutama ketika berada di kawasan padat atau sempit.

KOSMO

Tarikh: 19 AUG 2024

Permaisuri Selangor rasmi Taman Kucing Klang

1918 04

Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin, berkenan merasmikan Taman Kucing Klang yang menjadi tempat perlindungan kucing terbiar pertama di Bandar Bukit Raja, semalam. Sime Darby Property, berkata projek inovatif itu hasil kerjasama dengan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) bertujuan menyediakan tempat selamat untuk kucing terbiar, selain mempromosi pemilikan haiwan peliharaan. Kucing terbiar turut diberikan pemulihan kesihatan, pelalian dan dimandulkan bagi tujuan diambil sebagai kucing angkat.



BERITA HARIAN
Tarikh.....1.9.AUG.2024.....

Kenaikan gaji lebih baik dijangka kurangkan guru bersara awal

19/8 BH

SSPA hadiah besar untuk pendidik berdepan cabaran dalam tugas, tangani bebanan kos sara hidup

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dengan pelarasan gaji yang lebih baik dijangka mengurangkan aliran guru bersara awal, demikian pandangan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP).

Presiden NUTP, Aminuddin Awang, berkata pengumuman oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkait sistem itu pada Jumaat lalu, adalah hadiah sangat besar untuk guru yang kini berdepan cabaran besar dalam mendidik anak bangsa serta kos sara hidup.

"Guru bukan sahaja menikmati

ti kenaikan gaji tahunan, malah dengan pelarasan gaji ini, tambahan kenaikan gaji turut diberikan. Selepas 12 tahun tanpa semakan, pelaksanaan SSPA menggantikan Skim Saraan Malaysia (SSM) hadiah sangat bermakna buat guru.

"Saya percaya langkah ini juga dapat mengurangkan 'trend' guru bersara awal dan mendorong guru memberikan perkhidmatan terbaik sebagai tanda penghargaan atas apa yang diberikan kerajaan," katanya kepada **BERNAMA**, semalam.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan mengumumkan pelarasan gaji sebanyak 15 peratus kepada pegawai Kumpulan Pelaksana dan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta tujuh peratus kepada pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Pelarasan gaji berkenaan akan dilaksanakan secara berfasa, masing-masing pada 1 Disember 2024 bagi Fasa 1 dan 1 Januari 2026 bagi Fasa 2.

Aminuddin berkata, pelarasan yang akan dibuat secara berfasa itu dijangka membolehkan guru menikmati kenaikan ketara pada Fasa 1, Disember ini, sekali gus

"Saya percaya langkah ini juga dapat mengurangkan 'trend' guru bersara awal dan mendorong guru memberikan perkhidmatan terbaik sebagai tanda penghargaan atas apa diberikan kerajaan"

Aminuddin Awang, Presiden NUTP



memberikan kelegaan kepada warga pendidik.

"Dalam Fasa 2 pelarasan gaji, kita akan lihat tambahan kenaikan, selain kenaikan gaji tahunan. Pelaksanaan secara berfasa ini pendekatan wajar oleh kerajaan, tempoh untuk menikmati kenaikan gaji tidak terlalu la-

ma," katanya.

Beliau juga berharap Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) JPA dapat memberikan penerangan yang lebih jelas mengenai pelaksanaan dan manfaat SSPA kepada penjawat awam.

"Secara umumnya, kami ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri atas pengumuman ini. Secara asas, kita baru dimaklumkan mengenai kenaikan gaji, tetapi perincian lengkap sistem itu belum dikemukakan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Presiden CUEPACS, Datuk Dr Adnan Mat ketika dihubungi **BH**, sekali lagi meminta penjawat awam menyambut pengumuman Perdana Menteri itu dengan penuh iltizam memberi perkhidmatan terbaik.

Beliau berkata, ada sebahagian penjawat awam menjangkakan kenaikan itu sebanyak 42.7 peratus, yang dikira secara langsung, sedangkan ia termasuk dalam kenaikan lain.

"Sebenarnya tiada yang merugikan, sebaliknya Perdana Menteri beri jawapan kepada penantian 12 tahun penjawat awam. Justeru, balasannya tingkat produktiviti, tata kelola dan kecekapan, maksimum ketersediaan

menerima perubahan dan beri nilai tambah," katanya.

Penambahbaikan berterusan
Mengenal aduan dan saranan berkait mutu perkhidmatan awam, Adnan berkata, CUEPACS terbuka kepada perkara itu supaya penambahbaikan dapat dilaksanakan secara berterusan, namun berharap ia disampaikan melalui saluran sewajarnya.

"Ini termasuk secara langsung kepada jabatan dan agensi berkaitan, Biro Pengaduan Awam atau terus kepada CUEPACS, berbanding hebat di media sosial yang akan hanya undang persepsi, yang mungkin tidak menggambarkan keadaan sebenar."

Adnan berkata, rakyat juga perlu memahami bentuk peningkatan kualiti yang dilaksanakan dalam perkhidmatan awam, antaranya sistem digitalisasi yang memudahkan urusan secara dalam talian.

"Contoh, aduan khidmat kaunter kerajaan, banyak kaunter ditutup, hanya beberapa dibuka untuk layan pelanggan, sekali gus timbulkan persepsi negatif. Bagi kes seperti ini, pejabat berkenaan perlu paparkan sebab kaunter ditutup," katanya.

BERITA HARIAN

Tarikh.....19 AUG 2024

Laksana pelarasan kadar upah minimum berperingkat

Kuala Lumpur: Pelarasan had gaji minimum secara berkala mampu menoktahkan isu berkaitan kadar upah yang membelenggu pekerja swasta.

Mengemukakan saranan itu, Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) khuatir syor menaikkan gaji pekerja swasta berpandukan keuntungan syarikat akan menjejaskan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Persekutuan Pekilang Malaysia (FMM) pula melihat saranan supaya syarikat swasta catat keuntungan tinggi memberi kenaikan gaji kakitangan adalah wajar, namun perlu dipadankan dengan tahap produktiviti kakitangan dan syarikat.

Bagi Presiden MEF, Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman, pelarasan had gaji minimum secara berkala lebih kompetitif untuk dilaksanakan berbanding penstrukturan gaji berpandukan keuntungan syarikat.

Katanya, pekerja sektor PMKS mewakili 90 peratus daripada keseluruhan kakitangan perusahaan kecil, yang kebanyakannya akan berhijrah ke syarikat

multinasional (MNC) atau syarikat berkaitan kerajaan (GLO) selepas suatu tempoh.

"Secara prinsip, syarikat dengan untung tinggi mampu bayar gaji besar, namun isu ini perlu dilihat menerusi skop lebih luas, merangkumi pekerja PMKS," katanya kepada BH.

Jelasnya, pelarasan gaji pekerja swasta dibuat dari semasa ke semasa, bergantung kepada pasaran dengan survei mengenai dilakukan setiap tahun bagi peringkat pengurusan dan setiap tiga tahun bagi ahli kesatuan sekerja menerusi perjanjian kolektif (CA).

"PMKS sedia peluang pekerjaan dan tempat timba pengalaman, namun tidak mampu bayar gaji tinggi. Kebanyakan majikan hanya raih keuntungan lima hingga 10 peratus, didorong tekanan dihadapi sepanjang proses tender," katanya.

Justeru, beliau berkata, perlu berhati-hati merangka dan melaksanakan dasar bagi industri PMKS dengan had gaji minimum dilihat sebagai penyelesaian selepas mengambil kira kos

operasi syarikat dan sara hidup bagi memastikan sektor itu mampu berdaya saing.

Katanya, kos operasi syarikat bukan hanya gaji, malah caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) termasuk Skim Insurans Pekerjaan (EIS), selain Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp).

"Ia juga perlu diseimbangkan dengan kos sara hidup yang memerlukan intervensi berkala kerajaan. Penetapan had gaji minimum mengikut kajian dan pandangan pihak yang tidak pernah menjalankan perniagaan, berisiko memberi kesan negatif kepada industri.

"Pandangan berasaskan teori tidak cerminkan realiti sebenar dihadapi perusahaan, terutama PMKS yang diibaratkan 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'. Wajar lindungi PMKS sebelum mereka 'menyerah nasib' susulan lonjakan kos operasi," katanya.

Menyokong syor Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim

supaya gaji pekerja swasta dinaikkan selari keuntungan syarikat, beliau menyifatkan ia saranan bijak yang jelas menunjukkan Anwar memahami isu dihadapi masyarakat.

Galakan tingkat prestasi

Sementara itu, Presiden FMM, Tan Sri Soh Thian Lai, berkata pandangan agar syarikat untung tinggi menaikkan gaji pekerja dipadankan dengan produktiviti kakitangan dan syarikat adalah galakan untuk pekerja meningkatkan prestasi.

"Ia untuk pertumbuhan mampan selari tahap kewangan perusahaan serta menguntungkan kedua-dua pihak. Kenaikan gaji tidak dipadankan tahap produktiviti dikhuatiri mengakibatkan syarikat berdepan peningkatan kos operasi.

"Selain itu, dikhuatiri margin keuntungan dan potensi pelaburan akan berkurang. Keseimbangan di antara peningkatan gaji pekerja dan tahap produktiviti sangat penting bagi semua entiti perniagaan serta syarikat swasta, terutama sektor pengilangan.

"Walaupun ada syarikat mungkin catat untung tinggi, masih ada beroperasi dengan margin kecil, terutama PMKS yang dikhuatiri berdepan lonjakan kos operasi dan berpotensi kecilkan kos, bahkan tutup jika naikan gaji kakitangan.

"Penyeragaman kadar upah merentasi sektor tanpa pertimbangan yang wajar, dikhuatiri memberi kesan buruk, terutama bagi sektor industri yang kompetitif," katanya mengulangi saranan supaya kerajaan membuat pelarasan kadar gaji minimum secara berperingkat.

Katanya, pelarasan gaji minimum berperingkat bertujuan memberi pendekatan seimbang bagi meningkatkan kesejahteraan pekerja tanpa membebankan kewangan syarikat.

"Kerajaan perlu ambil kira peningkatan pelbagai kos berterusan dihadapi syarikat swasta, ambil pendekatan lebih holistik berkait gaji minimum. Ini termasuk bincang dengan pihak berkepentingan untuk dapatkan gambaran realistik upah bersesuaian," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh.....1.9.AUG.2024....

NUBE dakwa kerajaan gagal laksana keperluan kenaikan gaji

19/8 BH
Kuala Lumpur: Kesatuan Kebangsaan Pekerja Bank (NUBE) mendakwa kerajaan gagal melaksanakan keperluan kenaikan gaji tahunan pekerja swasta, berikutan terlalu 'memanjakan' syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk menyalurkan semula keuntungan kepada Kementerian Kewangan.

Setiausaha Agung NUBE, J Solomon, berkata kerajaan terbabit secara serius dalam perniagaan melalui GLC dan dasarnya kelihatan mengekalkan gaji rendah dan kegiatan antikesatuan.

Katanya, apabila GLC menindas pekerja, mengekalkan gaji yang rendah dan terbabit dalam aktiviti antikesatuan dengan menggunakan jentera kerajaan untuk menekan kebebasan kesatuan, itu melanggar prinsip Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan standard Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG).

"Jika niat kerajaan untuk melanggar Standard Buruh Antarabangsa, mereka tidak sepatutnya terbabit dalam sebarang perniagaan.

"Pada masa ini, Permodalan Nasional Berhad (PNB), cabang pelaburan kerajaan, membenarkan syarikat pelaburannya, Maybank untuk terbabit dalam amalan buruh yang tidak adil, termasuk aktiviti antikesatuan yang bertujuan untuk menekan ganjaran," katanya kepada BH, di sini, semalam.

Kelmarin BH melaporkan Pemangku Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Maktar Siwang, menyaran Kementerian Sumber Manusia meminda Akta Kerja 1955 bagi memasukkan peruntukan khusus mewajibkan pihak swasta membuat penstrukturan gaji, termasuk kenaikan upah tahunan.

Cadangan pindaan itu bertujuan menjamin terdapat pergerakan kadar upah kakitangan swasta secara tahunan berikutan ramai kakitangan swasta menerima kadar upah statik dengan ada sebahagian yang berlarutan bagi jangka panjang.

J Solomon berkata, apabila GLC bertindak begitu, sektor swasta tidak boleh diharapkan untuk memberi keutamaan kepada kebajikan pekerja.

Katanya, itu antara punca kes seperti dilaporkan oleh MTUC, iaitu pekerja tidak menerima kenaikan gaji sehingga 10 tahun.

BERITA HARIAN
Tarikh.....19 AUG 2024.....

Pasukan khas bincang kawal selia platform media sosial ditubuh

19/8
51

Kuala Lumpur: Pasukan petugas khas akan ditubuhkan minggu ini bagi membincangkan aspek kawal selia dan penguatkuasaan platform media sosial.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, berkata pasukan mem-babitkan Kementerian Komunikasi, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan Peguam Negara (AGC).

Fahmi berkata, perkara itu diputuskan selepas pertemuan bersama Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din.

Katanya, polis memerlukan bantuan teknikal MCMC untuk pemeliharaan data dan pemprofilan.

"Insya-Allah dalam beberapa

hari ke depan, kita akan bentuk pasukan petugas khas untuk benar-benar memahami apa masalah dihadapi DPP (Timbalan Pendakwa Raya). Contoh, berkait kertas siasatan isu 'deepfake' (palsu tulen) yang terlalu baha-ru.

"Mungkin perlu kerjasama untuk kita fahamkan pembuk-tian dan kumpul data secuku-pnya untuk bawa ke mahkamah. Aspek pendakwaan ini sangat penting untuk elak daripada ma-salah yang berlaku hari itu.

"Ada seorang individu yang dihadapkan ke mahkamah dan dikenakan denda RM100. Saya sangat tak puas hati dengan apa yang berlaku, tetapi kita akur mungkin cara siasatan itu kita boleh tambah baik dan ini yang kita putuskan," katanya.

Beliau berkata demikian se-lepas melawat dan menyampaik-an sumbangan peribadi kepada

PR Puspa, ibu kepada pempenga-ruh media sosial, mendiang A Rajeswary atau dikenali sebagai Esha di kediaman keluarga itu di Bandar Baru Ampang, di sini semalam.

Esha ditemukan meninggal dunia di kondominium di Seta-pak di sini pada 5 Julai lalu, se-hari selepas membuat satu lapo-ran polis berhubung buli siber dihadapinya.

Bagi menangani kes buli si-ber, Fahmi berkata, kementerian khususnya MCMC sedang ber-usaha untuk memastikan proses pelesenan platform media sosial berjalan lancar dan dapat dilak-sanakan menjelang 1 Januari ta-hun depan.

"Kita lihat, umumnya mereka yang terlibat dalam buli siber ber-selindung di bawah akaun palsu dan kita nak pastikan pada masa depan, keberadaan akaun palsu ini dapat dikurangkan atau diha-

puskan semua sekali.

"Umumnya, setelah saya ber-temu pihak X dan Meta, TikTok dan WeChat di Singapura tempoh hari, mereka nyatakan kesediaan untuk dilesenkan dan kita sedang teliti beberapa panduan.

"Dari 1 Ogos hingga hujung tahun ini, MCMC akan bertemu dengan semua pihak berkepenting-an, termasuk platform media sosial untuk membangunkan sa-tu kod, tatacara dan tatakelakuan bagi platform media sosial," ka-tanya.

Fahmi berharap dengan pele-senan itu, platform media sosial pada masa hadapan mempunyai kewajipan menjaga dan lebih bertanggungjawab, seterusnya bertindak jika berlaku insiden buli siber, sebaran ajaran sesat, fahaman ekstremis atau jualan barang larangan seperti dadah serta judi dalam talian.

BERNAMA

BERITA HARIAN
Tarikh..... 19 AUG 2024

Semangat Jiwa Merdeka makin bersemarak

Inisiatif 1 Rumah 1 Jalur Gemilang dijangka tambah rancak menjelang hujung bulan ini

Kuala Lumpur: Inisiatif 1 Rumah 1 Jalur Gemilang yang sedang dilaksanakan, dijangka bertambah rancak dalam tempoh seminggu menjelang Hari Kebangsaan pada 31 Ogos nanti.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, berkata selain rumah, banyak bangunan kerajaan dan swasta juga telah mula mengibarkan Jalur Gemilang di premis ma-

sing-masing untuk bersama-sama menyemarakkan semangat Jiwa Merdeka.

"Kita mula dengan warga kementerian serta penjawat awam dan kita sentiasa memberikan peringatan. Saya percaya dalam seminggu dua akan datang, aktiviti mengibarkan Jalur Gemilang di rumah masing-masing akan semakin rancak, terutama menjelang 31 Ogos nanti.

"Alhamdulillah, kita nampak sekarang ini banyak bangunan telah mula memperagakan Jalur Gemilang. Kita berharap program '1 Rumah 1 Jalur Gemilang' akan mencapai objektifnya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengedarkan Jalur Gemilang sempena Bulan Kebangsaan di sekitar Pasar Pagi Program Perumahan



Fahmi hadir pada Program Edaran Jalur Gemilang sempena Bulan Kebangsaan di Pasar Pagi Program Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi, semalam. (Foto BERNAMA)

Rakyat (PPR) Kerinchi, di sini semalam.

Edar Jalur Gemilang

Mengenai program itu, Fahmi yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai, berkata edaran Jalur Gemilang itu untuk menyemarakkan lagi semangat patriotisme penduduk setempat menjelang Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.

Justeru, beliau berharap usaha itu dapat menyuntik rasa cinta ke-

pada negara dan rakyat, khususnya penduduk Lembah Pantai dengan mengibarkan Jalur Gemilang di rumah, premis perniagaan dan kenderaan masing-masing.

"Sedikit peringatan, pastikan Jalur Gemilang yang dikibarkan dalam keadaan baik, tidak lusuh, tidak koyak dan dipasang dengan cara yang betul.

"Untuk maklumat lanjut, anda boleh menghubungi Jabatan Penerangan atau muat turun pan-

duan terperinci tatacara untuk mengibarkan Jalur Gemilang," katanya.

Program dianjurkan Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menerusi Komuniti MADANI Pantai Halt serta Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Kira-kira 1,000 Jalur Gemilang dibekalkan untuk diagihkan kepada penduduk sekitar seperti peniaga dan pengunjung Pasar Pagi PPR Kerinchi.

BERNAMA



Kanak-kanak mengayuh basikal sambil membawa Jalur Gemilang ketika menyertai Program Kibar Jalur Gemilang anjuran penduduk komuniti Jalan Genting, Rantau Panjang, Klang. (Foto Faiz Anuar/BH)



Maizun Maazam sibuk memasang Jalur Gemilang di Taman Bandar Putra Satu, semalam. (Foto BERNAMA)



Pusat beli-belah di ibu kota mengambil inisiatif memasang gegantung Jalur Gemilang bagi memeriahkan sambutan bulan kemerdekaan. (Foto BERNAMA)



MD. FAUZI AHMAD

PELARASAN gaji penjawat awam memberikan manfaat langsung kepada 1.6 juta kakitangan kerajaan.

Lebih daripada itu, kenaikan gaji ini juga dijangka membuka lebih banyak peluang perniagaan bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS), yang merupakan tulang belakang ekonomi negara.

Data menunjukkan bahawa setiap kenaikan RM1 dalam pendapatan penjawat awam akan menjana RM1.50 dalam pertumbuhan ekonomi, disebabkan oleh kesan berganda dari perbelanjaan domestik. Dengan peningkatan pendapatan penjawat awam sebanyak RM12 bilion, negara boleh menjangkakan pertumbuhan ekonomi sebanyak RM18 bilion setahun.

Kenaikan gaji penjawat awam ini merangkumi pelbagai kumpulan jawatan dalam perkhidmatan awam bergantung kepada kategori. Sebagai contoh, Kumpulan Pelaksana akan menerima kenaikan sebanyak lapan peratus pada Fasa 1 (Disember 2024) dan tujuh peratus lagi pada Fasa 2 (Januari 2026).

Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pengurusan Tertinggi juga akan menikmati kenaikan yang berbeza-beza mengikut peringkat.

Pelarasan gaji ini dijangka meningkatkan pendapatan penjawat awam dalam julat 16.8 peratus hingga 42.7 peratus, menjadikan ia satu perkembangan ekonomi yang signifikan.

Dengan peningkatan pendapatan ini, penjawat awam akan mempunyai lebih banyak wang untuk dibelanjakan, yang seterusnya akan merancakkan ekonomi domestik.

PERUMAHAN DAN HARTANAH

Menurut laporan Bank Negara Malaysia (BNM), permintaan terhadap hartanah kediaman telah meningkat sebanyak lima peratus tahun lalu disebabkan peningkatan dalam pendapatan boleh guna.

Dengan kenaikan gaji, penjawat awam kini mempunyai kemampuan kewangan untuk membeli rumah, terutamanya rumah pertama.

Ramai penjawat awam juga akan mempertimbangkan untuk membeli rumah

Kenaikan gaji penjawat awam lonjak sektor PKS

1918
utusan



KENAikan gaji penjawat awam dijangka memberi manfaat besar kepada PKS, merangsang perbelanjaan domestik, yang seterusnya akan membuka lebih banyak peluang perniagaan bagi PKS dalam pelbagai sektor.

pertama atau menaik taraf kediaman yang sedia ada.

Ini akan meningkatkan permintaan terhadap hartanah dan seterusnya merangsang industri pembinaan dan bahan binaan.

Ini bukan sahaja akan meningkatkan pendapatan PKS dalam sektor ini tetapi juga akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia, terutamanya dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan berkaitan.

SEKTOR MAKANAN DAN MINUMAN

Dengan peningkatan dalam pendapatan boleh guna, penjawat awam mempunyai pilihan untuk makan di luar, atau berbelanja untuk makanan berkualiti.

Ini akan meningkatkan permintaan untuk restoran, kafe dan perkhidmatan katering, yang kebanyakannya diusahakan oleh PKS.

Peningkatan dalam permintaan untuk makanan dan minuman juga akan memberi peluang kepada pengeluaran makanan tempatan untuk berkembang.

PKS yang terlibat dalam pengeluaran makanan, termasuk industri kecil dan sederhana dalam sektor pertanian, perikanan, dan penternakan, boleh mengambil peluang daripada

peningkatan ini dengan menawarkan produk-produk berkualiti dan inovatif untuk memenuhi kehendak pasaran yang semakin berkembang.

SEKTOR PERKHIDMATAN

Data dari Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa sektor perkhidmatan menyumbang lebih daripada 50 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) pada 2023.

Dengan pendapatan tambahan, penjawat awam akan meningkatkan perbelanjaan mereka dalam perkhidmatan seperti pendidikan, kesihatan, kecantikan dan hiburan. Ini akan membuka lebih banyak peluang perniagaan bagi PKS yang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

SEKTOR PELANCONGAN

Dengan pendapatan tambahan, ramai penjawat awam mampu bercuti bersama keluarga mereka, baik di dalam mahupun luar negara. Ini akan meningkatkan permintaan untuk perkhidmatan pelancongan dan perhotelan.

PKS yang terlibat dalam sektor pelancongan dan perhotelan, seperti agensi pelancongan, syarikat pengangkutan, hotel dan homestay, akan mendapat

manfaat daripada peningkatan jumlah pelancongan.

Ini akan memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan perkhidmatan mereka, menambah baik kemudahan dan menawarkan pakej-pakej pelancongan yang menarik untuk menarik lebih ramai pelanggan. Peningkatan dalam aktiviti pelancongan juga akan memberi manfaat kepada sektor lain yang berkaitan, seperti peruncitan dan makanan dan minuman.

EKONOMI TEMPATAN

Kenaikan gaji penjawat awam juga akan memberi kesan positif terhadap ekonomi tempatan, terutamanya di bandar-bandar kecil dan luar bandar di mana sebahagian besar penjawat awam tinggal dan bekerja.

Peningkatan dalam perbelanjaan oleh penjawat awam di kawasan-kawasan ini akan merangsang ekonomi tempatan dan memberi peluang kepada PKS tempatan untuk berkembang.

PKS tempatan yang menyediakan barangan dan perkhidmatan asas seperti kedai runcit, restoran dan bengkel kenderaan akan melihat peningkatan dalam permintaan untuk produk dan perkhidmatan mereka.

Ini akan meningkatkan pendapatan mereka dan

memberi mereka peluang untuk melabur semula dalam perniagaan mereka, seperti meningkatkan stok, memperluas operasi atau menambah baik kemudahan.

Dalam jangka masa panjang, ini akan membantu memperkukuhkan ekonomi tempatan dan meningkatkan taraf hidup penduduk di kawasan-kawasan tersebut.

CABARAN DAN RISIKO

Peningkatan dalam produktiviti akan membantu mengekalkan daya saing ekonomi negara dan memastikan bahawa kenaikan gaji tidak menyebabkan inflasi yang tidak terkawal.

Pemantauan harga oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup adalah penting untuk mengelakkan peningkatan harga barangan yang tidak terkawal.

Kerajaan boleh memperkenalkan dasar-dasar yang menyokong PKS dan sektor swasta, seperti memberikan insentif cukai, mempercepatkan proses pelesenan dan menyediakan kemudahan pembiayaan yang lebih baik. Ini akan membantu PKS dan syarikat-syarikat swasta untuk terus berkembang dan bersaing di pasaran yang semakin kompetitif.

Secara keseluruhannya, kenaikan gaji penjawat awam dijangka memberi manfaat besar kepada PKS.

Dengan strategi yang betul dan pendekatan yang inovatif, PKS dapat memanfaatkan peluang yang ditawarkan oleh kenaikan gaji penjawat awam untuk mencapai pertumbuhan yang mampan dan berdaya saing.

Kenaikan gaji penjawat awam bukan sahaja meningkatkan taraf hidup kakitangan kerajaan tetapi juga memberi impak positif kepada ekonomi negara secara keseluruhan.

Dengan menggalakkan pertumbuhan PKS, ekonomi Malaysia terus berkembang dengan kukuh dan inklusif, memberikan manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

PROFESOR Madya Dr. Md. Fauzi Ahmad ialah Pensyarah dan Penyelidik Kanan Pengurusan Teknologi Pengeluaran, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Unit integriti dalam sektor awam perlu bina kepercayaan rakyat



KAMARUDDIN
M.RIPIN

INTEGRITI merupakan aspek utama dalam tadbir urus yang baik dan amat penting dalam memastikan ketelusan, akauntabiliti dan kebolehpercayaan dalam sektor awam.

Apatah lagi perkara tersebut melibatkan Kementerian Kewangan (MOF) yang mana antara misinya ialah untuk mengurus kewangan awam dengan cekap, telus, berintegriti dan efektif bagi mencapai matlamat pembangunan negara.

Di kementerian berkenaan yang antara fungsinya ialah menggubal dan menyediakan prosedur, prinsip dan tatacara sistem pengurusan kewangan serta perakaunan untuk dipatuhi oleh semua kementerian, sudah pasti soal integriti merupakan keutamaan dalam kalangan warganya.

Namun secara menyeluruh, kerajaan sebenarnya telah pun mengiktiraf kepentingan menegakkan integriti dalam perkhidmatan awam dengan mewujudkan Unit Integriti sebagai pusat kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam.

Sebagaimana yang dinyatakan menerusi Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) Versi 1.0 (2022) (sebelum ini PP Bilangan 6 Tahun 2013), unit ini diwujudkan bertujuan bagi memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme.

Secara tidak langsung, inisiatif ini jua dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan penjawat awam.

Dengan menguatkuasakan piawaian khusus, unit integriti di sektor awam mampu memastikan penjawat awam bertindak secara profesional dan bertanggungjawab, menjunjung nilai kejujuran,



UNIT integriti diwujudkan bertujuan bagi memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme. - UTUSAN

ketelusan dan akauntabiliti.

Tambahan pula, unit integriti memainkan peranan proaktif dalam mempromosikan integriti dan etika melalui program latihan, bengkel dan kempen kesedaran.

Dengan mendidik penjawat awam tentang kepentingan menegakkan integriti dalam tugas mereka, ia sekali gus mampu membantu memupuk budaya kejujuran dan ketelusan dalam sektor awam.

Unit ini juga merupakan tempat rujukan penjawat awam dalam kementerian, jabatan dan agensi berhubung isu integriti dan tatakelola.

Bukan itu saja, dalam kebanyakan hal pula, unit ini akan menjadi pemudahcara apabila berbangkit isu-isu berkaitan dalam agensi terlibat selain menjadi jambatan penghubung terus kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

“ Dengan kewujudan unit integriti di sektor awam, ia akan dirasai sebagai unit ‘pengawal’ oleh penjawat awam sekali gus menimbulkan rasa gerun untuk melanggar sebarang kesalahan jenayah mahu pun tatakelola.”

Dengan kewujudan unit ini juga, ia akan dirasai sebagai unit ‘pengawal’ oleh penjawat awam sekali gus menimbulkan rasa gerun untuk melanggar sebarang kesalahan jenayah mahu pun tatakelola.

Dari segi penyelarasan dan pelaporan unit berkenaan, Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM berperanan menyelaras pelaksanaan fungsi unit ini. Bahagian ini turut bertanggungjawab untuk menyediakan dasar dan mekanisme pengurusan integriti di agensi.

Dalam pada itu, bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pengurusan integriti ini, Ketua Unit Integriti perlu mengemukakan laporan berkaitan pelaksanaannya kepada Ketua Setiausaha Kementerian atau Ketua Jabatan dan BPIA, SPRM secara berkala.

Selain itu, penubuhan unit integriti di Malaysia

menggambarkan betapa tingginya komitmen kerajaan untuk menggalakkan tatakelola yang baik dan memerangi rasuah.

Dengan menggerakkan semua penjawat awam agar bertanggungjawab atas tindakan mereka dan menggalakkan tingkah laku beretika, secara tidak langsung ia membantu membina kepercayaan orang ramai terhadap kerajaan dan institusinya.

Unit integriti memainkan peranan penting dalam memastikan integriti sektor awam di Malaysia. Adalah penting bagi kerajaan untuk terus menyokong dan memperkukuh unit ini untuk menegakkan integriti dan tadbir urus yang baik dalam sektor awam ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

PENULIS ialah Ketua Unit Integriti Perbendaharaan Malaysia.

Jurang pendapatan ketara awam, swasta

PETALING JAYA: Jurang pendapatan antara penjawat awam dan swasta dijangka wujud pada 2026 apabila kakitangan kerajaan menerima kenaikan sepenuhnya gaji baharu yang diumumkan baru-baru ini.

Berdasarkan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kakitangan kerajaan berjawatan rendah dijangka menikmati gaji baharu sehingga RM2,000 berbanding gaji minimum swasta pada kadar RM1,500 pada masa ini.

Pensyarah Kanan Ekonomi di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Bashir Ahmad Shabir Ahmad berkata, kenaikan dinikmati penjawat awam itu sudah pasti memberi tekanan kepada nisbah pendapatan sek-

tor swasta.

Katanya, jurang pendapatan itu mewujudkan tekanan yang menjadikan kerjaya di sektor swasta akan lebih mendatar.

"Apabila wujudnya jurang pendapatan antara kedua-dua sektor ini, maka insentif untuk bekerja di sektor swasta akan menjadi lebih mendatar dari segi permintaan terutama dalam industri yang menjanjikan gaji tetap mengikut gaji minimum seperti sektor perkilangan, perindustrian, pelancongan dan perkhidmatan.

"Ini kerana selain sektor awam yang memberi gaji permulaan lebih baik, terdapat pilihan untuk bekerja sendiri seperti Grab, FoodPanda, sub-penghantaran untuk Shoppe

Express, J&T dan seumpamanya yang mampu memberikan pendapatan lebih fleksibel," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Jumaat lalu, Perdana Menteri mengumumkan penyalaraan gaji baharu penjawat awam sebanyak 15 peratus kepada kumpulan pelaksana manakala tujuh peratus kepada pengurusan tertinggi.

Pelaksanaan itu akan dilaksanakan dalam dua fasa iaitu yang pertama bermula 1 Disember ini manakala fasa kedua bermula 1 Januari 2026.

Mengulas lanjut, Bashir Ahmad berkata, terdapat keperluan untuk mengkaji semula gaji minimum sektor swasta bagi mengimbangi peningkatan kos sara hidup pada masa ini.

Katanya, amat wajar bagi kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia mengkaji siling yang ditetapkan untuk gaji minimum pada masa kini.

"Tidak dinafikan akan berlaku kesan timbal balik apabila majikan berasa tertekan dengan kenaikan gaji minimum di sektor swasta dan cara mengatasinya adalah dengan menaikkan harga barang di pasaran.

"Maka adalah wajar Kementerian Sumber Manusia mengadakan perbincangan terlebih dahulu dengan wakil-wakil dari pihak swasta, perkilangan, perindustrian, pengusaha industri kecil, bank dan sektor perkhidmatan untuk melihat keperluan kembali mengkaji gaji minimum," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:1..9..AUG..2024..

Pesara tentera berhajat pasang lebih 2,000 Jalur Gemilang menjelang 31 Ogos

Merdeka hari paling dinanti

1918 utusan



Oleh NORUL AKMA MOHD. ZAIN
utusannews@mediamula.com.my

BUTTERWORTH: Seorang pesara tentera dari Pekan Darat, Permatang Binjai di sini berhajat untuk memasang lebih 2,000 Jalur Gemilang di kawasan kediamannya sempena sambutan Hari Kebangsaan yang ke-67 pada 31 Ogos ini.

Hasni Saad, 59, berkata, setakat ini, jumlah Jalur Gemilang pelbagai saiz yang sudah dipasang mencecah 700 helai termasuk bendera negeri-negeri di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak.

"Untuk pengetahuan, aktiviti ini (pasang bendera) setiap tahun saya buat. Anak menantu, adik beradik serta teman rapat turut membantu memasang dan menghias (bendera) di segenap halaman rumah kami.

"Memang seronok sebab kita hendak tunjukkan kepada generasi sekarang bahawa penting-nya menyemai perasaan cinta-kan negara. Bukan semata-mata kibar Jalur Gemilang, sebaliknya,



HASNI Saad memasang Jalur Gemilang dan bendera negeri dengan dibantu ahli keluarga serta jiran tetangga di kawasan rumahnya di Pekan Darat, Permatang Binjai, Butterworth baru-baru ini

nya, pengisian di sebalik Hari Kebangsaan itu sendiri," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di kediamannya di sini, baru-baru ini.

Ditanya kos perbelanjaan untuk menghias rumahnya dengan ratusan helai bendera, bapa kepada sembilan orang anak itu berkata, jumlah tersebut tidak penting kerana perasaan teruja untuk menyambut kedatangan

tarikh keramat itu mengatasi segala-galanya.

"Kos (membeli bendera dan alatan memasang bendera) saya tidak mahu ceritakan. Apa yang penting ialah kepuasan dan keterujaan untuk menyambut Hari Kebangsaan itu sendiri kerana saya lihat perpaduan dalam kalangan rakyat semakin terhakis disebabkan oleh pelbagai faktor semasa termasuk

landskap pergolakan politik di negara kita yang saya sifatkan kini tidak begitu stabil.

"Malah, sebagai orang lama yang terlibat dalam komuniti setempat, saya rasakan agensi kerajaan mahupun persendirian perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam memberikan penghayatan kepada masyarakat mengenai pengorbanan yang dilakukan oleh pa-

sukan keselamatan negara termasuklah orang dulu-dulu yang bersusah payah untuk memper-tahankan serta membebaskan tanah air kita daripada cengkaman penjajah," katanya.

Sementara itu, menantunya Mohd. Ashraf Shamsu Anuar 27, menyifatkan bapa mentuanya itu amat gemar melakukan aktiviti keramaian melibatkan keluarga dan penduduk setempat di kediamannya setiap kali adanya sambutan hari-hari tertentu, lebih-lebih lagi Hari Kebangsaan.

"Ayah (nama panggilan kepada Hasni) memang suka menjamu orang makan. Itu sifat dia sejak dulu lagi.

Malah, setiap kali menjelang apa sahaja sambutan sama ada hari perayaan atau Hari Kebangsaan, pasti ayah akan menganjurkan aktiviti makan-makan bersama kami anak beranak dan jiran tetangga.

"Meskipun ayah hanya melakukan kerja-kerja kampung sahaja ketika ini, namun, jiwa nya besar. Kami sebaliknya bangga mempunyai ahli keluarga sepertinya yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi terhadap negara," kata Mohd. Ashraf.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 19 AUG 2024

Lesen media sosial: Pasukan petugas khas bakal diwujudkan

19/8 Utusan

PETALING JAYA: Kerajaan akan menubuhkan pasukan petugas khas pada minggu hadapan bagi membincangkan mengenai aspek kawal selia dan penguatkuasaan platform media sosial.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, pasukan tersebut melibatkan kementerian-nya, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan Peguam Negara (AGC).

Kata beliau, perkara tersebut diputuskan selepas pertemuan diadakan bersama Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din tiga hari lalu.

Jelasnya, polis memerlukan bantuan teknikal daripada MCMC untuk pemeliharaan data dan pemprofilan.

"Insya-Allah dalam beberapa hari ke depan, kita akan bentuk pasukan petugas khas untuk benar-benar memahami apa masalah dihadapi DPP (Timbalan Pendakwa Raya). Contoh, berkait kertas siasatan isu *deepfake* (palsu tulen) yang terlalu baharu.

"Mungkin perlu kerjasama untuk kita fahamkan pembuktian dan kumpul data secukupnya untuk bawa ke mah-

kamah. Aspek pendakwaan ini sangat penting untuk elak daripada masalah yang berlaku hari itu.

"Ada seorang individu yang dihadapkan ke mahkamah dan dikenakan denda RM100. Saya sangat tak puas hati dengan apa yang berlaku, tetapi kita akur bahawa mungkin cara siasatan itu kita boleh tambah baik dan ini yang kita putuskan," katanya seperti dilaporkan Bernama.

Ahli Parlimen Lembah Pantai itu berkata demikian selepas melakukan lawatan dan menyampaikan sumbangan peribadi kepada PR Puspa ia-itu ibu kepada pempengaruh media sosial, mendiang A. Rajeswary atau Esha di kediamannya di Bandar Baru Ampang dekat sini.

Sementara itu, Fahmi berkata, kementerian khususnya SKMM sedang berusaha untuk memastikan proses pelesenan platform media sosial berjalan lancar dan dapat dilaksanakan seawal 1 Januari depan bagi menangani kes buli siber.

Katanya, langkah tersebut bagi mengurangkan atau menghapuskan semua akaun buli siber yang berselindung di bawah akaun palsu.

"Umumnya, setelah saya bertemu pihak X dan Meta, TikTok dan WeChat di Singapura tempoh hari, mereka bersedia untuk dilesenkan," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA
19 AUG 2024
Tarikh:

Pupuk minat reka cipta melalui inovasi hijau

19/8
makan

SAUDARA PENGARANG,

BERDASARKAN hala tuju Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 antaranya menggariskan aspirasi murid dalam pembangunan kemahiran berfikir secara kreatif, inovatif dan kritis.

Ia juga bersesuaian dengan teras Malaysia Madani, iaitu nilai daya cipta. Pengukuhan nilai daya cipta di peringkat sekolah, dapat memupuk minat dan mempertingkatkan elemen kreativiti dalam kalangan pelajar sekolah.

Kebolehpayaan pelajar mencipta produk dapat memberikan indikasi keupayaan nilai daya cipta yang diperolehi hasil dari bimbingan dan pembelajaran yang dilalui.

Dalam memenuhi hasrat memupuk dan membimbing minat reka cipta, penggunaan bahan kitar semula adalah amat bersesuaian sebagai bahan dalam pembangunan prototaip. Tanpa menggunakan modal yang tinggi, budaya inovasi ini dapat dikembangkan melalui penggunaan bahan kitar semula, atau diistilahkan sebagai inovasi hijau.

Bahan kitar semula adalah seperti bekas makanan, botol minuman, surat khabar, kotak, majalah dan kain. Penggunaan bahan kitar semula ini juga dapat dikategorikan sebagai produk akhir, sekiranya ia dapat digunakan secara langsung dan mematuhi kebolehfungsian yang diperlukan.

Pelbagai fungsi dan penggunaan produk dari bahan kitar semula dapat dikenal pasti.

Penghasilan produk ini juga dapat dikomersialkan sekiranya mempunyai nilai estetik yang tinggi. Tambahan itu, ia dapat mendidik pelajar untuk cintakan alam sekitar, dan menyokong agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) untuk kesejahteraan kehidupan dunia pada masa hadapan. Pembudayaan reka cipta adalah amat penting, dan pengukuhan perlu dilaksanakan seawal pengajian secara formal.

Dengan mengadaptasi penggunaan bahan kitar semula, penghasilan produk melalui inovasi hijau dapat melestarikan budaya reka cipta dan mencipta bakat reka cipta ternama.

PROFESOR MADYA

DR. AHMAD MUBARAK TAJUL ARIFIN

Ketua Jabatan,

Keusahawanan, Daya Usaha

dan Inovasi dan Sastera Liberal,

Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



INOVASI hijau dapat mendidik pelajar untuk cintakan alam sekitar dan menyokong agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) untuk kesejahteraan kehidupan dunia pada masa hadapan.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 19 AUG 2024

Pegawai bomba salah guna kuasa dipenjara tujuh tahun, denda RM172,000

1918 UTUSAN
KUALA TERENGGANU: Seorang pegawai kanan bomba dipenjara tujuh tahun dan didenda RM172,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini atas tiga kesalahan salah guna kuasa, empat tahun lalu.

Hakim Dazuki Ali membacakan hukuman itu terhadap Mohd. Roslan Zakaria, 41, hari ini, selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh iaitu Penolong Kanan Penguasa Bomba didakwa menggunakan jawatan untuk menerima suapan dengan mencadangkan sebut harga syarikat milik ibu mentuanya.

Perbuatan itu dibuat bagi membolehkan syarikat terbabit,

Pak Su Global Enterprise, melaksanakan kerja-kerja pembekalan 60 unit antena dan 30 unit alat ganti pengecas bernilai RM8,100.

Mohd. Roslan juga didakwa mencadangkan sebut harga syarikat milik adik iparnya, Muazzam Global Enterprise, bagi membekalkan 31 unit komputer berjumlah RM7,440.

Mengikut pertuduhan ketiga pula, tertuduh didakwa mencadangkan sebut harga syarikat adik iparnya itu untuk kerja-kerja pembekalan 10 unit jaket keselamatan di air dan 20 unit sut bernilai RM17,000.

Mohd. Roslan didakwa melakukan kesalahan itu di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur di Wakaf Tapai dalam daerah Marang pada Julai dan November 2016.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 19 AUG 2024

NEXT WEEK

TASK FORCE TO DISCUSS SOCIAL MEDIA RULES

Aim is to understand issues faced by deputy public prosecutors, says Fahmi

KUALA LUMPUR

A TASK force will be formed this week to discuss social media regulation and enforcement, said Communications Minister Fahmi Fadzil yesterday.

He said the task force would include the Communications Ministry, the Home Ministry, the Legal Affairs Division of the Prime Minister's Department and the Attorney-General's Chambers.

Fahmi said this decision came after a meeting with Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail and Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) chairman Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din four days ago.

"Police require MCMC's technical assistance for data preservation and profiling, so we will form this task force in the coming days to understand the issues faced by deputy public prosecutors."

"For instance, the issue of deep-fake investigation is new and may require cooperation to understand the evidence, gather data and take it to court."

He said this after visiting and handing over personal donations

to P.R. Puspa, the mother of late social media influencer A. Rajeswary, or Esha, at her home in Bandar Baru Ampang.

He said addressing prosecution aspects was crucial to prevent issues like the recent case where a person was fined RM100, which he found unsatisfactory.

It was reported that Esha was found dead in a condominium unit in Setapak here on July 5, a day after lodging a police report regarding the cyberbullying she was facing.

To tackle cyberbullying, Fahmi said, the ministry, particularly MCMC, was working to ensure that the licensing process for social media platforms was implemented smoothly by Jan 1.



Police require MCMC's technical assistance for data preservation and profiling, so we will form this task force in the coming days to understand the issues faced by deputy public prosecutors.

FAHMI FADZIL
Communications minister

"We observe that those involved in cyberbullying often use fake accounts, and we aim to reduce or eliminate these fake accounts."

"Following my meeting with representatives from X, Meta, TikTok and WeChat in Singapore recently, they have expressed their willingness to be licensed."

"We are reviewing guidelines, and from Aug 1 to the end of the year, MCMC will meet stakeholders, including social media platforms, to develop a code of conduct and standards for social media platforms."

He said he hoped that with licensing,

social media platforms would have a duty of care and be more responsible, taking action in cases of cyberbullying, extremist content and illegal activities, such as drug trafficking and online gambling. **Bernama**

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 19 AUG 2024

19/8
2024

Schools, workplaces and athletes hit by online hate

CYBERBULLYING is becoming pervasive in schools and workplaces, and is even affecting elite athletes.

Thus, it is imperative that well-defined laws are enacted to protect people from online abuse.

Schools should make it compulsory for students and parents to sign a pledge to refrain from abusive online behaviour, and to report such behaviour to the authorities.

There should be consequences for students who perpetrate online abuse. First offenders should be sent for counselling and further problems should warrant a

ban on access to any social media platform.

Those who continue to cyberbully despite these actions should be transferred to a reformative school.

The last resort is to send the student to juvenile court.

Workplaces should have a policy of banning employees from harassing, giving unwanted attention, threatening or spreading of rumours about co-workers.

If there is proof of cyberbullying, it should be cause for terminating the employee.

The abusive comments that some Olympic athletes received

on social media have led coaches to advise their charges to turn off their social media platforms before and during competition, as the hostile atmosphere generated by these comments can impact performance.

Recently, Youth and Sports Minister Hannah Yeoh condemned the online spreading of doctored pictures of Olympic diver Nur Dhabitah Sabri.

These sexist, racist, transphobic and homophobic online abuse must be stopped.

Our laws must be beefed up to hold cyberbullies to account.

Singapore has enacted a Cyber-

security Act to protect online users from harassment and stalking.

Any person found guilty of an offence can be fined up to \$10,000, jailed up to three years, or both.

Repeat offenders face a higher fine of up to \$20,000, and longer jail time of up to five years.

In India, cyberbullies face a fine up to 300,000 rupees or up to three years' jail.

In Australia, unauthorised impairment of electronic communication is subject to 10 years' imprisonment.

The maximum penalty for us-

ing a carrier service to menace, harass or cause an offence is three years' imprisonment. All Australian jurisdictions have laws against cyberstalking.

Malaysia is moving towards criminalising cyberbullying after the case of influencer Rajeswary Appahu.

The government is also drafting a new law to hold online service providers accountable.

The stricter laws will hopefully protect Internet users from cyberbullying.

C. SATHASIVAM SITHERAVELLU
Seremban, Negri Sembilan

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 19 AUG 2024



According to CCO & Associates (KL) Sdn Bhd, the slow take-up of affordable units is due to bureaucracy and difficulty in obtaining housing loans. FILE PIC

FINANCIAL AND PROPERTY DEVELOPMENT CHALLENGES

MADANI HOUSING PLAN DOABLE, SAYS EXPERT

But more must be done to help low-income earners own a home, says expert

FAIQAH KAMARUDDIN
KUALA LUMPUR
bt@nst.com.my

A PROPERTY expert stated that while the Madani housing plan is feasible, additional measures are necessary to address the financial challenges faced by low-income earners so they can own a home.

A recent government proposal to include a block or two of affordable housing units for low-income earners in residential projects begs the question of whether the people in the Bottom 40 (B40) income group is prepared to take on property ownership.

CCO & Associates (KL) Sdn Bhd executive director Chan Wai Seen said property ownership could pose significant financial challenges for them, as it could lead to bankruptcy if there were loan issues.

"Is the B40 group really ready to own property and to commit to the monthly mortgage instalment?"

"To assist this group, a more practical measure needs to be put in place, such as rent to own (RTO) (home ownership schemes), a trust fund from government and developers to provide a considerable subsidy to develop these affordable residences," he told *Business Times*.

ness Times.

Chan said while RTO schemes have been implemented for some time, they never caught on.

"The government was supposed to work with institutions to roll out these schemes. Malayan Banking Bhd's HouzKey (RTO scheme) has been rolled out.

"Despite this, the overall RTO schemes were not rolled out in a big way. It may be due to many challenges."

Chan acknowledged that the government's Madani housing plan is doable, but its implementation depends on factors such as land size.

"There will be a lot of considerations, namely if there are any height restriction at the site, or shape of the site. Ideally, there should be separate access to this block."

He said the government should be flexible with its planning requirements when approving developments. This is particularly important for strategically located and limited development sites.

Chan said for these developments to attract developers, they must be financially viable.

"In hindsight, it is good to have a separate block, from the management point of view, after the project has been completed."

Chan said forcing developers to

build affordable housing would hamper the overall property development sentiment.

He added that the overall development quality might be affected due to the additional allocation for affordable housing units and increasing development cost.

"The government should carefully evaluate this matter before proceeding with the implementation. These measures (such as the Madani housing units) may only be applicable for certain sites that meet the criteria."

Asked about the burden on developers, he said they have typically been using profits from other projects to offset the cost of affordable housing developments.

"Notwithstanding this, the development landscapes may have changed drastically due to factors such as rising construction cost."

"This has significantly impacted the ability of developers to develop affordable housing."

Chan said the competitive market was a contributing factor, as the oversupply in certain property segments has led to property prices rising more slowly compared with development cost.

"(There is a) slow take-up of affordable units due to bureaucracy and difficulty in obtaining loans."

"Many of their targeted buyers — B40 and lower Middle 40 income earners — are not qualified for (housing) loans. The slow take-up rates will affect the developers' cash flow."

NEW STRAITS TIMES

Tarikh:1..9..AUG..2024...

Fly Jalur Gemilang drive expected to **take off**

8th
19/8

► Apart from homes, numerous government, private buildings have begun displaying national flag to collectively inspire spirit of *Jiwa Merdeka*. Minister

KUALA LUMPUR: The 1 Rumah 1 Jalur Gemilang (1 House 1 Flag) initiative is expected to gain momentum in the final week leading up to National Day on Aug 31, said Communications Minister Fahmi Fadzil.

He said apart from homes, numerous government and private buildings have also begun displaying the *Jalur Gemilang* to collectively inspire the spirit of *Jiwa Merdeka*.

"We started with ministry staff and civil servants, and we have continuously reminded them. I believe that in the next week or two, the activity of flying the *Jalur Gemilang* at homes will become even more vigorous, especially as Aug 31 approaches.

"*Alhamdulillah*, we are seeing more and more buildings displaying the *Jalur Gemilang*, and we hope the 1 Rumah 1 Jalur Gemilang programme will achieve its objective," he said

after distributing *Jalur Gemilang* at the Kerinchi People's Housing Project morning market yesterday.

Fahmi, who is also Lembah Pantai MP, said the flag distribution aims to further ignite the spirit of patriotism among residents ahead of National Day and Malaysia Day.

"A little reminder, always ensure the *Jalur Gemilang* is flown in its proper form, unfaded, untorn and displayed correctly. For more details, you can reach out to the Information Department or download the guidelines on how to properly display the flag."

The *Jalur Gemilang* distribution, organised by the Kuala Lumpur Federal Territory Information Department in collaboration with the Pantai Halt Madani Community and police, saw around 1,000 flags distributed to residents, traders and visitors at the Kerinchi

morning market.

Meanwhile, a full dress rehearsal for the 2024 National Day parade will take place over three days, from Aug 27 to 29 at Dataran Putrajaya.

Communications Ministry Management Services Division secretary Harun Ali advised those planning to attend the rehearsal to follow instructions on the signage provided in the area due to road closures.

He said the route for the National Day parade, from the Putrajaya International Convention Centre to Masjid Putra in Putrajaya, will be ready by Aug 22, Bernama reported.

Harun added that this year's host Putrajaya Corporation is working on relocating flower pots along the parade route to ensure the event runs smoothly.

"This parade is organised by the Tourism, Arts and Culture Ministry and each year, it has its unique features and an element of surprise," he said when appearing as a guest on RTM's *Selamat Pagi Malaysia* programme.

He said about 8,000 seats and 100 vendor stalls would be provided for this year's National Day celebration.



Fahmi distributing a *Jalur Gemilang* to a trader in Kuala Lumpur yesterday. — BERNAMAPIC

THE SUN

Tarikh: 19 AUG 2024

'Salary rise expected to further increase cost of living'

Sun
11/8

■ BY JOSHUA PURUSHOTMAN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The Malaysian Employers Federation (MEF) has thanked Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim for addressing the high cost of living and making serious efforts to control the prices of basic goods and services.

However, its president Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman told *theSun* that the government's pay hike for civil servants of up to 15% under the Public Service Remuneration System, will further increase the cost of living in the country.

"We expect the cost of living to further rise in tandem with the salary increase for civil servants, which has already put pressure on Small and Medium Enterprises (SME) to raise wages for private sector workers."

"While we are thankful that the government is addressing the rising cost of living, and putting policies in place to ensure people can afford the necessities, it must be done in a way that no additional burden is placed on workers' finances."

Syed Hussain also called on the

➤ Measures to address price hike of necessities must be done without placing burden on employers of private sector workers: MEF

government to include all stakeholders in discussions to manage the wage pressures vis-a-vis the rising cost of living.

"While we are thankful Anwar has rightfully said those in the private sector 'who can afford it should pay higher wages than normal', SMEs are already being pressured to raise wages in tandem with the government's civil servants pay hike."

He said using research data or the opinions of academics who have never run a business is dangerous, and theoretical views do not help entrepreneurs who are struggling with cost increases and reduced business margins.

Syed Hussain said many SMEs are living from hand to mouth, and this is the reality on the ground.

"If people speak to the business community where they live, they will realise that even grocery shops and

restaurants are having a hard time keeping costs down.

"Nonetheless, we must be proud of our SMEs and micro-entrepreneurs who dare to start new businesses to build the economy. We must protect them before they give up due to the high cost of operations."

Syed Hussain said the MEF has no issue with companies that are doing well paying better wages. The process of wage increases is done after a survey every three years and is based on market adjustments for management, and unionised staff via their collective agreement.

"At the same time, based on the company's performance and profitability, bonuses are declared annually. This has always been the practice."

He said with the current pressure to raise wages, the MEF is most concerned for SMEs which account

for over 90% of small businesses and are the backbone of employment.

"SMEs offer the initial experience to workers in various fields, but over time they migrate to bigger companies and government-linked corporations to advance their careers as SMEs cannot afford to pay the higher wages that are demanded."

"Most SMEs earn profit margins of between 5% and 10% as larger companies squeeze them on tenders. Therefore, we must be careful in implementing pay rises as maintaining the minimum wage is the way to go for SMEs."

He also stressed that the actual cost of business is far higher than just accounting for wages since SMEs also make payments towards the Employees Provident Fund, Employment Insurance System, Social Security Organisation, Human Resource Development Corporation and others.

"Considering all these payments, we cannot just claim that the workers are earning a certain amount based on the minimum wage. In reality, they are earning far more based on all these additional payments, so we should not be blind to this fact."

THE SUN
19 AUG 2024
Tarikh: